

TERHAD



i-MODUL KECEMERLANGAN SPM SMKA 2026

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
SIJIL PEPERIKSAAN MALAYSIA 2026**

SEJARAH

Kertas 1

Julai/Ogos

1 Jam

1249/1




Satu Jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. ***Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

1. Rajah 1 menunjukkan ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu.



Rajah 1

Apakah X?

- A Kedaulatan
 - B Perlembagaan
 - C Undang-undang
 - D Lambang kebesaran
2. Sebagai rakyat Melaka, Pak Abu mematuhi semua arahan pemerintah dan tidak berani menderhaka.

Mengapakah Pak Abu berbuat demikian?

- A Takut ditimpa tulah
 - B Khuatir diusir dari Melaka
 - C Seorang yang bertimbang rasa
 - D Berhajat menjadi pembesar istana
3. Jadual berikut berkaitan dengan langkah pemodenan pentadbiran di Thailand.



Mengapakah pemerintah di atas melaksanakan tindakan tersebut?

- A Persaingan kuasa besar
- B Mengekalkan kedaulatan negara
- C Memantapkan sistem pentadbiran
- D Penguasaan ekonomi oleh pembesar

[Lihat halaman sebelah



4. Maklumat berikut berkaitan sistem pendidikan yang terdapat di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

- Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)
- Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC)

Bagaimanakah institusi pendidikan ini berfungsi menyemarakkan nasionalisme?

- A Mewujudkan sistem pendidikan madrasah
 - B Melahirkan golongan yang memimpin rakyat
 - C Mendedahkan pelajar dengan pemodenan Islam
 - D Menerima kunjungan ulama dari Sumatera Barat
5. Bagaimanakah Jerman melanggar syarat-syarat Perjanjian Versailles 1919?
- A Memperkuat angkatan tentera
 - B Menamatkan hubungan diplomatik
 - C Mengeksport senjata ke luar negara
 - D Menjalinkan kerjasama dengan komunis
6. Mengapakah Jepun melancarkan serangan ke atas Pearl Harbour, Amerika Syarikat dalam Perang Dunia Kedua?
- A Meluaskan kuasa
 - B Sebagai serangan balas
 - C Desakan pemimpin atasan
 - D Memenuhi keperluan industri
7. Apakah peranan British Military Administration (BMA) di Tanah Melayu?
- A Melatih penduduk tempatan
 - B Memulihkan kepercayaan rakyat
 - C Menangani demonstrasi penduduk
 - D Menghalang desakan orang dagang

8. Maklumat berikut berkaitan dengan unit politik yang telah disatukan di Tanah Melayu sewaktu pentadbiran British.

- Negeri-negeri Selat
- Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

Mengapakah British bertindak demikian?

- A Kos pentadbiran dapat dikurangkan
 - B Melemahkan golongan penentang
 - C Hak kaum peribumi terpelihara
 - D Sistem monarki diperkukuhkan
9. Apakah faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Mewujudkan kewarganegaraan yang sama
 - B Memenuhi tuntutan penduduk tempatan
 - C Menyeimbangkan komposisi kaum
 - D Membendung ancaman komunis
10. Apakah kesan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap Tanah Melayu?
- A Komposisi kaum seimbang
 - B Kuasa kerajaan negeri berkurangan
 - C Undang-undang tradisional musnah
 - D Peluang ke arah berkerajaan sendiri
11. Berikut adalah tindakan yang dilakukan oleh pengganas komunis di Tanah Melayu.

- Merosakkan ladang getah
- Mengganggu kerja di lombong
- Merosakkan landasan kereta api

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Memiliknegarakan sektor perusahaan
- B Menyusun semula sistem pemilikan
- C Menentang amalan buruh paksa
- D Melumpuhkan ekonomi British

12. Sistem pendaftaran kebangsaan dan kad pengenalan telah diperkenalkan pada tahun 1948.

Bagaimanakah langkah tersebut dapat membantu British melemahkan komunis?


- A Menambah anggota keselamatan kerajaan
- B Meningkatkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan
- C Memudahkan pengiraan jumlah penduduk tempatan
- D Memudahkan pihak berkuasa mengenal pasti orang awam

13. Orang Melayu tidak mendapat peluang yang sama seperti kaum bukan Melayu dalam sektor perniagaan dan perusahaan.

Apakah langkah yang dilakukan oleh Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) untuk menangani isu tersebut?

- A Menubuhkan RIDA
- B Memperkenalkan Sistem Ahli
- C Menghapuskan sistem sekolah vernakular
- D Membendung ancaman Parti Komunis Malaya

14. Ilustrasi berikut menunjukkan logo Parti Perikatan.



Mengapakah Parti Perikatan memilih logo di atas?

- A Konsep keadilan semua kaum
- B Kesediaan menempuh cabaran
- C Konsep kedaulatan undang-undang
- D Berpeluang ke arah berkerajaan sendiri

[Lihat halaman sebelah

TERHAD



15. Gambar berikut menunjukkan rakyat Tanah Melayu mengundi dalam Pilihan Raya Umum pertama pada 27 Julai 1955.



- Apakah nilai yang ditunjukkan berdasarkan gambar di atas?
- A Adil
 - B Toleransi
 - C Berdisiplin
 - D Bertanggungjawab
16. Apakah peranan kabinet pertama yang dibentuk selepas Pilihan Raya Umum 1955?
- A Memperkenalkan sistem demokrasi
 - B Menghantar pulang imigran ke negara asal
 - C Membincangkan isu keselamatan dalam negeri
 - D Meminta kuasa veto Pesuruhjaya Tinggi dikekalkan
17. Apakah memorandum yang dikemukakan oleh Raja-raja Melayu kepada Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara
 - B Ketua Menteri sebagai pentadbiran kerajaan
 - C Undang-undang tempatan dikuatkuasakan
 - D Syarat kewarganegaraan dikaji semula

18. Pada 9 Mei 1957, Tunku Abdul Rahman bersama pemimpin Parti Perikatan sekali lagi ke London untuk berbincang dengan British.

Apakah perkara yang dibincangkan tersebut?

- A Mengisytiharkan kemerdekaan
- B Menetapkan tarikh kemerdekaan
- C Melakukan pindaan draf perlembagaan
- D Mengemukakan bantahan isu kewarganegaraan

19. Maklumat berikut berkaitan jawatankuasa yang telah dibentuk bagi menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

- Jawatankuasa Persediaan Fizikal
- Jawatankuasa X

Apakah Jawatankuasa X?

- A Protokol
 - B Sambutan
 - C Jemputan
 - D Perlembagaan
20. Apakah fungsi Jabatan Penerangan yang ditubuhkan oleh kerajaan selepas mencapai kemerdekaan?
- A Menyiarkan filem-filem tempatan
 - B Menerangkan dasar dan wawasan negara
 - C Merakamkan peristiwa kemerdekaan negara
 - D Mendokumentasikan pemasyhuran kemerdekaan
21. Apakah yang dimaksudkan dengan '*daulah*'?
- A Kekuasaan tertinggi
 - B Negara bebas dan merdeka
 - C Kuasa pemerintahan sesebuah negara
 - D Negara berkuasa penuh dalam pemerintahan

22. Pernyataan berikut berkaitan dengan konsep patriotisme

- Perasaan cinta yang mendalam terhadap negara
- Sanggup mempertahankan negara

Apakah peranan rakyat bagi merealisasikan semangat tersebut?

- A Menggubal undang-undang
- B Meningkatkan imej negara
- C Mengukuhkan pasukan keselamatan
- D Menjalin hubungan dengan pihak luar

23. Maklumat berikut berkaitan undang-undang yang diperkenalkan oleh British di Negeri-Negeri Selat.

- Charter of Justice I
- Charter of Justice II
- Charter of Justice III

Mengapakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Mengehendkan kuasa raja
- B Menentang penyebaran agama
- C Menghalang berlaku penindasan
- D Mengurangkan peranan pembesar

24. Mengapakah Pindaan Perlembagaan 1965 memberi kesan kepada pembentukan Malaysia?

- A Melibatkan perubahan keanggotaan Persekutuan
- B Menamatkan hubungan diplomatik luar
- C Menukar sistem pemerintahan negara
- D Menghapuskan institusi Parlimen

25. Siapakah yang bertanggungjawab memberikan nasihat kepada Yang di-Pertua Negeri Sarawak dalam menjalankan tugasnya?

- A Kabinet Negeri
- B Majlis Tertinggi
- C Kabinet Menteri
- D Majlis Perundangan

[Lihat halaman sebelah



26. Negara melakar sejarah apabila Yang di-Pertuan Agong V (1970-1975) dan Yang di-Pertuan Agong XIV (2011-2016) merupakan sultan yang sama.

Siapakah baginda yang dimaksudkan?

- A Sultan Muhamad V
- B Sultan Mizan Zainal Abidin
- C Sultan Hisamuddin Alam Shah
- D Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

27. Manakah antara berikut merupakan gabungan unsur tradisional dan moden dalam sistem pentadbiran negara Malaysia.

- I Pemerintahan beraja
- II Perlembagaan persekutuan
- III Pembentukan pentadbiran pusat
- IV Sistem Demokrasi Berparlimen

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28. Mengapakah perlembagaan persekutuan memperuntukkan kuasa yang khusus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?

- A Mewujudkan Kerajaan Negeri yang kuat
- B Memastikan pembangunan ekonomi tercapai
- C Mengelak pemasalahan antara kedua peringkat kerajaan
- D Mewujudkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang sistematik

29. Mengapakah referendum Singapura 1962 diadakan?

- A Menentukan sokongan terhadap pembentukan Malaysia
- B Mengukuhkan kesetiaan rakyat terhadap kerajaan
- C Mengekalkan sistem pentadbiran British
- D Menilai pengaruh parti berhaluan kiri

[Lihat halaman sebelah

30. Apakah manfaat pembentukan Malaysia 1963 kepada Sarawak dan Sabah?
- I Kesatuan ideologi politik
 - II Keseragaman budaya
 - III Kemerdekaan negeri
 - IV Kemajuan ekonomi
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
31. Apakah cabaran kerajaan untuk memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sarawak dan Sabah?
- A Ancaman haiwan liar
 - B Saiz negeri yang besar
 - C Teknologi yang rendah
 - D Terdapat banyak sungai
32. Berikut ialah operasi ketenteraan yang dijalankan di Sarawak.

- Operasi Hammer
- Operasi RASCOM
- Operasi Sri Aman

Apakah matlamat operasi tersebut?

- A Mengawal sempadan
- B Membuka tanah hutan
- C Membanteras komunis
- D Mengadakan latihan tentera

33. Manakah antara berikut merupakan prinsip utama pembentukan Dasar Kebudayaan Kebangsaan?
- A Perpaduan kaum melalui kebudayaan
 - B Memupuk dan memelihara kebudayaan kebangsaan
 - C Kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang
 - D Semua kaum mengekalkan identiti sebagai warganegara Malaysia
34. Maklumat berikut berkaitan slogan yang digunakan untuk kempen Malaysia menjadi tuan rumah dalam satu kejohanan sukan pada tahun 1992.

“Malaysia Boleh”

Apakah kejohanan sukan tersebut?

- A Hoki
 - B Skuasy
 - C Badminton
 - D Bola sepak
35. Apakah matlamat kerajaan mewujudkan Rancangan Buku Hijau pada tahun 1974?
- A Menambahkan pendapatan rakyat
 - B Menambahkan pemilikan perniagaan
 - C Merancang pembangunan infrastruktur
 - D Membuka lebih banyak peluang pekerjaan
36. Apakah ciri Taman Teknologi Perindustrian yang telah diwujudkan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN)?
- I Mengendalikan perdagangan bebas antarabangsa
 - II Menjalankan inovasi bagi membangunkan teknologi
 - III Merupakan pusat penyelidikan dan pembangunan industri
 - IV Mengandungi kawasan perumahan, pusat perniagaan dan rekreasi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



37. Apakah matlamat penggubalan dasar luar Malaysia?
- I Melindungi kepentingan nasional
 - II Mengukuhkan sistem pertahanan negara
 - III Menggalakkan perkembangan domestik
 - IV Memupuk hubungan baik dengan negara luar
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
38. Mengapakah Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970?
- A Membantu negara-negara miskin
 - B Mengawal penggunaan senjata nuklear
 - C Mengawal harga komoditi di pasaran dunia
 - D Mengecam tindakan Israel terhadap Palestin
39. Apakah isu yang dibangkitkan oleh Malaysia dalam forum antarabangsa di PBB dan Asia- Pacific Economic Cooperation (APEC)?
- A Layanan saksama kepada semua negara
 - B Jurang ekonomi yang ketara
 - C Pengecualian cukai
 - D Hak bersuara
40. Apakah bentuk bantuan yang dihulurkan oleh Yayasan Restu kepada rakyat Aceh semasa peristiwa tsunami melanda wilayah tersebut?
- I Pembinaan rumah anak yatim
 - II Pendidikan percuma
 - III Bantuan pertahanan
 - IV Bantuan kesihatan
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT